



**AIA PUBLIC
TAKAFUL**

AIA PUBLIC Takaful **Dana Berkaitan** **Pelaburan**

Laporan Prestasi
Bagi Tahun Kewangan Berakhir
31 Disember 2022



KANDUNGAN

Mesej Daripada CEO	01 - 02
Tinjauan Pasaran bagi Tahun Kewangan Berakhir 31 Disember 2022	03 - 06
Jadual Perbandingan Prestasi	07 - 28
Butiran Pelaburan	29 - 38
Kenyataan Pihak Pengurus	39
Laporan Juruaudit Bebas	40 - 44
Penyata Aset dan Liabiliti	45 - 46
Penyata Pendapatan dan Perbelanjaan	47
Penyata Perubahan dalam Nilai Aset Bersih milik Pemegang Sijil	48
Nota-nota kepada Maklumat Kewangan	49 - 52

CEO's Message	53 - 54
Market Review for the Financial Year Ended 31 December 2022	55 - 58
Comparative Performance Table	59 - 80
Details of Investments	81 - 90
Statement by Manager	91
Independent Auditors' Report	92 - 96
Statement of Assets and Liabilities	97 - 98
Statement of Income and Expenditure	99
Statement of Changes in Net Asset Value attributable to Certificate Holders	100
Notes to the Financial Information	101 - 104

MESEJ DARIPADA CEO

Para pemegang sijil yang dihargai,

Terima kasih atas kepercayaan berterusan anda terhadap AIA PUBLIC Takaful Bhd. (APTB). Kami amat menghargai kepercayaan yang telah diberikan kepada kami bagi memenuhi aspirasi anda sekeluarga bagi mencapai Hidup Lebih Sihat, Berpanjangan dan Bermakna.

Ulasan Pasaran

Tahun 2022 merupakan tahun yang luar biasa untuk pasaran kewangan di mana kedua-dua sektor ekuiti dan pendapatan tetap mencatatkan pulangan negatif, ini kali kedua ianya berlaku dalam setengah abad. Faktor-faktor negatif seperti perang Ukraine-Rusia telah mengakibatkan harga komoditi meningkat dengan ketara, pelaksanaan dasar-dasar monetari yang terbatas oleh bank-bank pusat bagi mengawal inflasi serta kemunculan semula COVID-19 telah menyaksikan kedua-dua pasaran ekuiti dan bon/sukuk terjejas. Rizab Persekutuan Amerika Syarikat (A.S.) ("Fed") yang menaikkan kadar dana Fed secara kumulatif sebanyak 4.25% pada 2022 telah menyebabkan ketidaktentuan yang ketara sangat tinggi dalam pasaran bon/sukuk global. Di Malaysia, Bank Negara Malaysia ("BNM") juga memulakan beberapa siri kenaikan kadar dengan pengetatan kumulatif sebanyak 1.00% berikutan peningkatan di dalam aktiviti ekonomi dan cetakan inflasi yang teguh.

Berdasarkan latar belakang ini, Indeks Syariah Financial Times Stock Exchange (FTSE) Bursa Malaysia jatuh 10.80% manakala Indeks MSCI Dunia (berasaskan MYR) dan Indeks MSCI Asia Kecuali Jepun (berasaskan MYR) masing-masing jatuh 14.68% dan 16.89%. Sentimen para pelabur tempatan yang lebih lembut dan aliran keluar dana luar negara membawakan hasil sukuk yang lebih tinggi, dengan hasil Terbitan Pelaburan Kerajaan ("GII") 10Y meningkat 54 mata asas ("bps") dan menutup pada 4.16% pada akhir Disember 2022. Nota Perbendaharaan A.S. ("10Y") meningkat sebanyak 236 bps pada 2022, dan mengakhiri tahun pada 3.87%.

Sentimen risiko bertambah baik pada pengakhiran tahun 2022, memandangkan data menunjukkan bahawa inflasi mungkin sudahpun memuncak. Walaupun inflasi mungkin turun daripada paras tertingginya, ia berkemungkinan kekal lebih tinggi daripada pengalaman beberapa dekad kebelakangan ini.

Tinjauan

Kami menjangkakan tahun 2023 merupakan tahun yang lebih baik bagi pasaran pendapatan tetap akibat inflasi dan pertumbuhan yang dijangka menurun pada tahun 2023, manakala bank-bank pusat di banyak negara dijangka memuktamadkan penormalan dasar mereka, menandakan berakhirnya kitaran pengetatan. Walau bagaimanapun, kami menjangkakan peningkatan di dalam ketidaktentuan di dalam pasaran bon/sukuk di masa yang akan datang disebabkan ketidakpastian dasar monetari memandangkan waktu bagi perubahan dasar masih tidak pasti dan bergantung kepada data.

Kami menjangkakan keluk GII berpotensi meningkat secara mendadak pada tahun 2023 disebabkan penilaian yang menarik disebabkan penawaran yang rendah dan permintaan yang stabil daripada para pelabur. Kami menggunakan pendirian jangka masa neutral lebih memihak kepada wajaran tinggi taktikal sementara meneruskan dagangan mengikut momentum bagi bon/sukuk kerajaan, dengan mencari peluang dagangan jangka pendek ke pertengahan. Peruntukan aset kami akan terus memihak kepada bon/sukuk korporat berbanding bon/sukuk kerajaan bagi peningkatan hasil.

MESEJ DARIPADA CEO (SAMB.)

Tinjauan (samb.)

Bagi ekuiti, kami berpendapat bahawa kami telah menyaksikan kemuncak keagresifan Fed dan penilaian ekuiti sewajarnya telah diselaraskan ke bawah. Para pelabur kini meneliti data makro bagi menilai sejauh mana risiko kemelesetan di A.S. ekoran kenaikan kadar yang agresif. Sebaliknya, China telah menunjukkan hasrat pembukaan semula ekonominya secara beransur-ansur yang akan mengurangkan kesan risiko kemelesetan A.S. Di Malaysia, pendapatan korporat akan bertambah baik pada 2023 dengan penamatan cukai makmur. Pendapatan sesaham Malaysia ("EPS") untuk 2023 dijangka berkembang sebanyak 11.9%, dibantu oleh ketiadaan cukai makmur dan sepatutnya mengatasi unjuran pertumbuhan 5.7% untuk MSCI Asia (kecuali Jepun). Sementara itu, penilaian ekuiti Malaysia kekal tidak menarik dengan dagangan penilaian harga kepada pendapatan ("PE") sekitar 1.5 sisihan piawai, di bawah purata 10 tahunnya.

Risiko-risiko utama kepada prestasi kita termasuk ketegangan geopolitik Rusia-Ukraine yang berpanjangan, kesan penularan daripada krisis perbankan di A.S. dan Eropah, hubungan perdagangan A.S.-China yang semakin teruk, pemulihan perlahan dalam pertumbuhan keluaran dalam negara kasar ("KDNK") China, peningkatan mendadak harga komoditi yang boleh memperbaharui kebimbangan inflasi, hasil perbendaharaan A.S. yang lebih tinggi yang boleh mengukuhkan lagi kedudukan Dolar A.S. ("USD") yang mungkin menjejaskan pasaran baru muncul, kemelesetan mendadak ekonomi A.S. dan pembendungan pembukaan semula China secara beransur-ansur.

Sekali lagi, kami ingin mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan atas sokongan berterusan anda kepada APTB dan memberi kami peluang bagi memenuhi keperluan kesihatan, kekayaan dan perlindungan anda. Pasukan pelaburan kami yang terdiri daripada mereka yang berkeelayakan tinggi dan profesional dalam bidang pelaburan akan terus berkhidmat berlandaskan falsafah pelaburan APTB, pelan pengurusan risiko yang kukuh dan tadbir urus korporat yang baik. Akhir kata, kami mendoakan anda dan seisi keluarga dikurniakan kebahagiaan dan kesihatan yang baik bagi tahun ini.

Yang benar,

Elmie Aman Najas

Ketua Pegawai Eksekutif,
AIA PUBLIC Takaful Bhd

TINJAUAN PASARAN

TINJAUAN PASARAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022

1. Ulasan Pasaran Saham Tempatan

Ulasan Pasaran

Berbanding penanda aras, pasaran ekuiti Malaysia telah mengakhiri tahun dengan lebih rendah di mana Indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS Shariah ("FBMS") telah mencatatkan penurunan sebanyak 10.80%. Ini disebabkan oleh kebimbangan kemelesetan dan ketegangan geopolitik yang meningkat menguasai pasaran ekuiti pada tahun ini. Tekanan inflasi yang berterusan merentasi kebanyakan negara yang disebabkan oleh gangguan rantaian bekalan berikutan perang Rusia-Ukraine, permintaan terbatas pasca pembukaan semula dan pasaran buruh yang ketat mengakibatkan bank-bank pusat utama mengamalkan dasar-dasar monetari yang agresif. Rizab Persekutuan A.S. ("Fed") telah menaikkan kadar dana secara kumulatif sebanyak 4.25%.

Secara amnya, pendapatan korporat menurun berikutan harga komoditi yang tinggi dan kekurangan tenaga buruh. Pemampatan dari segi penilaian terbukti apabila para pelabur menilai semula ekuiti seiring dengan hasil bon/sukuk yang meningkat sepanjang tahun 2022. Bagaimanapun, menjelang akhir tahun, sentimen pasaran tempatan bertambah baik dengan pembentukan kerajaan perpaduan, sekali gus menamatkan kebuntuan politik dan membawakan premium risiko politik yang lebih rendah. Ini juga didorong oleh jangkaan bahawa inflasi di A.S. telah memuncak, dan Fed akan memperlahankan kenaikan kadarnya pada masa hadapan. Sepanjang tahun 2022, sektor-sektor seperti penjagaan kesihatan dan teknologi telah mencatatkan prestasi yang rendah berbanding penanda aras manakala sektor-sektor kewangan, tenaga, perladangan, pengangkutan dan pembinaan telah mencatatkan prestasi yang baik.

Sekiranya dibandingkan dengan negara serantau, prestasi Indeks FBMS mengatasi Indeks MSCI Dunia (berasaskan MYR) dan Indeks MSCI Asia (Kecuali Jepun) (berasaskan MYR) yang masing-masing jatuh 14.68% dan 16.89%. Peningkatan prestasi ini didorong oleh pembukaan semula ekonomi domestik awal tahun ini. Di samping itu, prestasi ini juga disokong oleh harga komoditi yang lebih tinggi yang memanfaatkan Malaysia. Sebaliknya, pasaran ekonomi-ekonomi maju kurang berprestasi akibat peningkatan faedah yang agresif sebagai langkah mengawal inflasi yang berleluasa. Bagi Asia, Indeks MSCI Asia (Kecuali Jepun) (berasaskan MYR) merosot -16.89%, terutamanya disebabkan oleh langkah pematuhan ketat China terhadap dasar sifar covid dalam tempoh 10 bulan pertama tahun 2022.

Tinjauan Pasaran

Bagi ekuiti, kami berpendapat bahawa kami telah menyaksikan kemuncak keagresifan Fed dan penilaian ekuiti sewajarnya telah diselaraskan ke bawah. Para pelabur kini meneliti data makro bagi menilai sejauh mana risiko kemelesetan di A.S. ekoran kenaikan kadar yang agresif. Sebaliknya, China telah menunjukkan hasrat pembukaan semula ekonominya secara beransur-ansur yang akan mengurangkan kesan risiko kemelesetan A.S. Di Malaysia, pendapatan korporat akan bertambah baik pada 2023 dengan penamatan cukai makmur. Pendapatan sesaham Malaysia ("EPS") untuk 2023 dijangka berkembang sebanyak 11.9%, dibantu oleh ketiadaan cukai makmur dan sepatutnya mengatasi unjuran pertumbuhan 5.7% untuk MSCI Asia (kecuali Jepun). Sementara itu, penilaian ekuiti Malaysia kekal tidak menarik dengan dagangan penilaian harga kepada pendapatan ("PE") sekitar 1.5 sisihan piawai, di bawah purata 10 tahunnya.

Namun faktor-faktor seperti kemelesetan ekonomi A.S. yang berpanjangan, ketegangan geopolitik yang semakin teruk dan risiko dasar kerajaan boleh menyebabkan penyusutan pasaran.

TINJAUAN PASARAN (SAMB.)

TINJAUAN PASARAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (SAMB.)

1. Ulasan Pasaran Saham Tempatan (samb.)

Peluang

- Keadaan makro yang menggalakkan berikutan pembukaan semula China dan kenaikan harga komoditi.
- Pemulihan semula projek infrastruktur tempatan bagi menyokong pertumbuhan ekonomi.
- Wujudnya kestabilan politik seiring dengan pembentukan kerajaan perpaduan baharu dengan Perdana Menteri YAB Dato' Seri Anwar Ibrahim memperoleh majoriti 2/3 di parlimen.
- Ketegangan perdagangan yang berlanjutan kemungkinan akan mengalihkan perdagangan dan pelaburan ke Malaysia yang seterusnya membawakan Pelaburan Langsung Asing ("FDI") dan eksport yang lebih tinggi.

Ancaman

- Inflasi A.S. yang tinggi dan kekal secara berlanjutan.
- Kesan penularan daripada krisis perbankan di A.S. dan Eropah.
- Risiko kemelesetan ekonomi A.S.
- Ketegangan geopolitik yang semakin teruk.
- Pembendungan pembukaan semula China.
- Kemungkinan pengenalan cukai baharu bagi merapatkan defisit fiskal.

TINJAUAN PASARAN (SAMB.)

TINJAUAN PASARAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (SAMB.)

2. Ulasan Pasaran Sukuk Tempatan

Ulasan Pasaran

Di kala ekonomi global mula dibuka semula sepanjang tahun 2022, aktiviti penjawatan semula yang agresif telah mendorong pasaran buruh yang teguh dan permintaan terbatas. Peperangan Rusia-Ukraine memburukkan lagi gangguan rantaian bekalan dan akibatnya harga komoditi melonjak. Ini mengakibatkan tekanan inflasi yang berterusan merentasi banyak negara, yang seterusnya mendorong pelaksanaan dasar-dasar yang agresif oleh bank-bank pusat utama. Fed telah menaikkan kadar dana secara kumulatif sebanyak 4.25% pada tahun 2022, yang mengakibatkan ketidaktentuan yang ketara di dalam pasaran bon/sukuk global. Para pelabur menetapkan semula harga hasil bon/sukuk lebih tinggi bagi mengimbangi kenaikan kadar Fed.

Di Malaysia, Bank Negara Malaysia ("BNM") juga memulakan beberapa siri kenaikan kadar dengan pengetatan kumulatif sebanyak 1.00% berikutan peningkatan di dalam aktiviti ekonomi dan cetakan inflasi yang teguh. Walau bagaimanapun, perbezaan kadar faedah/keuntungan di antara A.S. dan hasil sukuk tempatan merapat secara mendadak seiring dengan dasar-dasar pengetatan yang agresif oleh Fed, ini seterusnya mengurangkan daya tarikan sukuk tempatan kepada pelabur luar negara. Akibatnya, para pelabur asing telah menjual secara mendadak sekuriti hutang Malaysia dengan aliran keluar bersih sebanyak MYR9.8 bilion pada tahun tersebut, menjadikan pegangan asing dalam sekuriti kerajaan Malaysia, bagi kedua-dua Sekuriti Kerajaan Malaysia ("MGS") dan Terbitan Pelaburan Kerajaan ("GII") kepada 22.4% pada Disember 2022 (berbanding 25.9% pada Disember 2021). Sentimen para pelabur tempatan yang lebih lembut dan aliran keluar dana luar pesisir membawakan hasil sukuk yang lebih tinggi, dengan hasil Terbitan Pelaburan Kerajaan ("GII") 10Y meningkat 54 mata asas ("bps") dan menutup pada 4.16% pada akhir Disember 2022. Dari segi penarafan negara, Fitch Ratings dan Moody's mengesahkan semula penarafan Malaysia masing-masing pada BBB+ dengan tinjauan stabil dan A3 dengan tinjauan yang stabil. Manakala, S&P mengekalkan penarafan negara kita pada A- dan meningkatkan tinjauan daripada Negatif kepada Stabil. Peningkatan prospek ini telah memberikan kelegaan kepada pasaran sukuk dan sedikit sebanyak menghadkan peningkatan hasil sukuk pada tahun semasa. Ringgit Malaysia ("MYR") lemah berbanding Dolar A.S. ("USD"), terutamanya disebabkan oleh kekuatan USD berbanding mata wang lain berikutan dasar kenaikan kadar Fed yang agresif.

TINJAUAN PASARAN (SAMB.)

TINJAUAN PASARAN BAGI TAHUN KEWANGAN BERAKHIR 31 DISEMBER 2022 (SAMB.)

2. Ulasan Pasaran Sukuk Tempatan (samb.)

Tinjauan Pasaran

Dari segi domestik, kami menjangkakan pasaran pendapatan tetap akan berprestasi lebih baik berbanding tahun 2022. Kami menjangkakan keluk GII berpotensi meningkat secara mendadak pada tahun 2023 disebabkan penilaian yang menarik selepas mendatar dengan ketara pada 2H2022. Pelaburan jangka panjang dijangka lebih mampat berikutan penawaran yang lebih rendah dan permintaan yang stabil daripada para pelabur. Tinjauan dasar monetari berdasarkan Bajet 2023 yang disemak semula lebih menyokong pasaran bon/sukuk tempatan. Dengan unjuran penurunan defisit bajet kepada 5.0% pada 2023 daripada 5.6% pada 2022, kebimbangan terhadap penarafan negara mungkin akan berkurangan. Walau bagaimanapun, masih wujud risiko disebabkan bekalan bersih untuk sekuriti kerajaan bagi tahun 2023 masih diramalkan tinggi. Ini seharusnya diimbangi dengan kecairan dalam negeri yang mencukupi dan permintaan pelabur, namun caj muka boleh menjejaskan pasaran pada 1H2023. Terdapat juga beberapa ketidakpastian di dalam dasar monetari. Walaupun BNM dijangka akan menamatkan kitaran penormalan kadarnya pada 1H2023, yang seharusnya diterima secara positif oleh pasaran pendapatan tetap tempatan, namun risiko masih wujud kerana BNM boleh melanjutkan langkah-langkah pengetatan sekiranya inflasi tetap meningkat dan pertumbuhan tidak berubah. Dari segi mata wang, MYR seharusnya lebih kukuh pada tahun 2023 memandangkan kelemahan USD secara am disebabkan oleh jangkaan peralihan di dalam dasar Fed, keadaan makro domestik yang konstruktif dan potensi kesan daripada pengukuhan Renminbi ("RMB") menjelang pembukaan semula ekonomi China. Walau bagaimanapun, pengurangan dalam permintaan asing akibat pertumbuhan global yang lemah dan potensi langkah-langkah Fed yang agresif boleh menjejaskan MYR pada 2023.

Peluang

- Pembukaan semula China menyokong pertumbuhan dan kemasukan pelancong, dan seterusnya positif bagi MYR.
- Potensi aliran masuk dana daripada pelabur asing ke dalam pasaran sukuk tempatan berikutan kurangnya ketidakstabilan politik, peralihan di dalam dasar-dasar Fed dan jangkaan kemuncak pengukuhan USD.
- Permintaan dalam negara yang lebih kukuh bagi sekuriti kerajaan tempatan memandangkan aliran dana pencen telah dinormalkan.

Ancaman


- Ketegangan geopolitik Rusia/Ukraine yang berpanjangan dan hubungan perdagangan A.S.-China yang lebih buruk.
- Kesan penulanan daripada krisis perbankan di A.S. dan Eropah.
- Pemulihan yang lebih lemah dalam pertumbuhan KDNK China.
- Peningkatan harga komoditi boleh memperbaharui kebimbangan inflasi.
- Peningkatan hasil Perbendaharaan A.S. ("UST") mungkin mendorong momentum pengukuhan USD dan risiko aliran keluar pelabur asing.
- Peningkatan pengetatan kuantitatif sekiranya unjuran pertumbuhan dan inflasi berubah.
- Kemelesetan ekonomi ketara di A.S.

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI

01. A-DANA INCOME

Bagi tahun kewangan 2022, pada asas bersih, Dana mengembalikan 1.99% berbanding pulangan penanda aras sebanyak 2.40%. Prestasi rendah Dana adalah disebabkan oleh pendedahan asetnya dalam kedua-dua sukuk kerajaan dan korporat yang mengalami kemerosotan dalam nilai pasaran disebabkan oleh peningkatan dalam hasil pada tahun 2022. Bagi tempoh 5 tahun yang ditinjau, Dana telah memberikan pulangan sebanyak 24.90% berbanding pulangan penanda aras sebanyak 14.67%. Prestasi positif Dana berpunca daripada pulangan pendapatan keuntungan tinggi dan pemampatan penyebaran kredit. Sejak penubuhannya pada Mac 2011, Dana telah mencatatkan pulangan kumulatif sebanyak 68.12% berbanding pulangan kumulatif penanda aras sebanyak 44.29%.

Prestasi Sejarah



Prestasi pada 31 Disember 2022

Prestasi Kumulatif	1 Bulan	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun	Sejak Penubuhan
	Nov 22 - Dis 22	Dis 21 - Dis 22	Dis 19 - Dis 22	Dis 17 - Dis 22	Mac 11 - Dis 22
A-Dana Income	1.27%	1.99%	7.73%	24.90%	68.12%
Indeks*	0.25%	2.40%	6.92%	14.67%	44.29%
Lebih/(Bawah) prestasi	1.02%	-0.40%	0.80%	10.23%	23.83%

* Kadar Tahap 1 Akaun Pelaburan Umum (Islam) 12 bulan Maybank (Sumber: Laman web Maybank)

Notis: Prestasi lepas bukanlah penanda bagi prestasi masa hadapan. Prestasi dana juga tidak dijamin.

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

01. A-DANA INCOME (SAMB.)


Apakah strategi masa depan?

Di kala inflasi dan pertumbuhan dijangka menurun pada 2023, bank-bank pusat di banyak negara dijangka memuktamadkan penormalan dasar mereka, menandakan berakhirnya kitaran pengetatan. Walau bagaimanapun, waktu bagi perubahan dasar masih tidak pasti dan bergantung kepada data. Berdasarkan andaian tersebut, pasaran sukuk secara amnya dijangka berprestasi lebih baik pada 2023 meskipun wujudnya potensi ketidaktentuan disebabkan ketidakpastian dasar monetari, peningkatan penawaran sukuk dan kebimbangan fiskal. Kami menjangkakan keluk GII berpotensi meningkat secara mendadak pada tahun 2023 disebabkan penilaian yang menarik selepas mendatar dengan ketara pada tahun 2022 dan pelaburan jangka panjang yang mampat berikutan penawaran yang lebih rendah dan permintaan yang stabil daripada para pelabur. Kami menggunakan pendirian jangka masa neutral lebih memihak kepada wajaran tinggi taktikal sementara meneruskan dagangan mengikut momentum bagi sukuk kerajaan, dengan mencari peluang dagangan jangka pendek ke pertengahan. Peruntukan aset kami akan terus memihak kepada sukuk korporat berbanding sukuk kerajaan bagi peningkatan hasil.

Adakah terdapat sebarang perubahan dalam matlamat pelaburan atau ciri-ciri risiko dana?

Tidak. Kami akan terus memberi tumpuan terhadap memaksimumkan jumlah pulangan daripada pertumbuhan pendapatan dan modal dengan melabur dalam sukuk gred pelaburan dan instrumen pasaran wang Islam di Malaysia, sambil meminimumkan risiko pelaburan semula.

Pendedahan Aset A-Dana Income pada 31 Disember 2022



JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

01. A-DANA INCOME (SAMB.)

Pembahagian sektor:

Kategori/Sektor	31 Dis 2022	31 Dis 2021	31 Dis 2020	31 Dis 2019	31 Dis 2018
Pertanian, Perhutanan & Perikanan	-	-	-	2%	-
Tunai dan Setara Tunai	16%	10%	1%	5%	3%
Pembinaan	13%	13%	9%	20%	18%
Elektrik, Gas & Air	17%	11%	14%	18%	17%
Kewangan, Insurans, Hartanah & Perkhidmatan Perniagaan	18%	28%	8%	15%	13%
Kerajaan & Lain-lain Perkhidmatan	1%	10%	32%	4%	13%
Pembuatan	16%	6%	8%	12%	13%
Perlombongan	5%	6%	8%	-	-
Pengangkutan, Pergudangan & Komunikasi	11%	12%	15%	17%	23%
Borong, Dagangan Runcit, Hotel dan Restoran	3%	4%	5%	7%	-
JUMLAH	100%	100%	100%	100%	100%

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

01. A-DANA INCOME (SAMB.)

Analisis perubahan dalam Nilai Bersih Aset (“NAV”)


	31 Dis 2022	31 Dis 2021	31 Dis 2020	31 Dis 2019	31 Dis 2018
Jumlah NAV (RM)	174,798,490	150,996,245	122,613,242	77,647,334	40,682,515
Bilangan Unit	207,946,243	183,214,166	147,071,825	99,508,071	57,002,727
NAV/Unit (RM)	0.841	0.824	0.834	0.780	0.714
NAV tertinggi sepanjang tahun (RM)	0.841	0.836	0.836	0.784	0.714
NAV terendah sepanjang tahun (RM)	0.801	0.803	0.771	0.714	0.673
Cukai (%)	8	8	8	8	8
Jumlah pulangan tahunan dana berdasarkan pertumbuhan modal	1.99%	-1.14%	6.84%	9.44%	5.94%
Purata pulangan tahunan					
1-Tahun	1.99%	-1.14%	6.84%	9.44%	5.94%
3-Tahun	2.51%	4.95%	7.40%	6.66%	5.05%
5-Tahun	4.55%	5.09%	6.27%	5.54%	4.32%
Prestasi pulangan tahunan Indeks Penanda Aras					
1-Tahun	2.40%	1.97%	2.41%	3.49%	3.63%
3-Tahun	2.26%	2.62%	3.17%	3.50%	3.62%
5-Tahun	2.78%	2.98%	3.35%	3.61%	3.57%

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

02. A-DANA EQUITY

Bagi tahun kewangan 2022, berdasarkan nilai bersih, Dana telah memberikan pulangan negatif sebanyak 6.91% berbanding 10.80% penyusutan dalam penanda aras. Peningkatan prestasi ini disebabkan oleh wajaran rendah Dana di dalam sektor Teknologi dan Penjagaan Kesihatan dan wajaran tinggi di dalam sektor Perladangan, Telekomunikasi dan Media. Sepanjang tempoh 5 tahun, Dana telah memberikan pulangan 2.25% berbanding pulangan penanda aras sebanyak -16.85%. Peningkatan prestasi ini disebabkan oleh wajaran tinggi Dana di dalam sektor Penjagaan Kesihatan, Teknologi dan Produk Perindustrian dan wajaran rendah di dalam sektor Perladangan, Tenaga, Utiliti dan Hartanah. Sejak penubuhannya pada Mac 2011, Dana telah mencatatkan pulangan kumulatif sebanyak 56.85% berbanding pulangan kumulatif penanda aras sebanyak 10.70%.

Prestasi Sejarah



Prestasi pada 31 Disember 2022

Prestasi Kumulatif	1 Bulan	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun	Sejak Penubuhan
	Nov 22 - Dis 22	Dis 21 - Dis 22	Dis 19 - Dis 22	Dis 17 - Dis 22	Mac 11 - Dis 22
A-Dana Equity	1.78%	-6.91%	14.32%	2.25%	56.85%
Indeks*	1.44%	-10.80%	-8.26%	-16.85%	10.70%
Lebih prestasi	0.34%	3.89%	22.58%	19.10%	46.15%

* 100% FBM Emas Syariah (Sumber: Laman web Bursa Malaysia)

Notis: Prestasi lepas bukanlah penanda bagi prestasi masa hadapan. Prestasi dana juga tidak dijamin.

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

02. A-DANA EQUITY (SAMB.)


Apakah strategi masa depan?

Bagi ekuiti, kami berpendapat bahawa kami telah menyaksikan kemuncak keagresifan Fed dan penilaian ekuiti sewajarnya telah diselaraskan ke bawah. Para pelabur kini meneliti data makro bagi menilai sejauh mana risiko kemelesetan di A.S. ekoran kenaikan kadar yang agresif. Sebaliknya, China telah menunjukkan hasrat pembukaan semula ekonominya secara beransur-ansur yang akan mengurangkan kesan risiko kemelesetan A.S. Di Malaysia, pendapatan korporat akan bertambah baik pada 2023 dengan penamatan cukai makmur. Pendapatan sesaham Malaysia ("EPS") untuk 2023 dijangka berkembang sebanyak 11.9%, dibantu oleh ketiadaan cukai makmur dan sepatutnya mengatasi unjuran pertumbuhan 5.7% untuk MSCI Asia (kecuali Jepun). Sementara itu, penilaian ekuiti Malaysia kekal tidak menarik dengan dagangan penilaian harga kepada pendapatan ("PE") sekitar 1.5 sisihan piawai, di bawah purata 10 tahunnya. Namun faktor-faktor seperti kemelesetan A.S. yang berpanjangan, ketegangan geopolitik yang semakin teruk dan risiko dasar kerajaan boleh menyebabkan penyusutan pasaran.

Adakah terdapat sebarang perubahan dalam matlamat pelaburan atau ciri-ciri risiko dana?

Tidak. Kami akan melanjutkan pencarian pertumbuhan modal dan pendapatan jangka panjang melalui portfolio ekuiti patuh Syariah yang pelbagai.

Pendedahan Aset A-Dana Equity pada 31 Disember 2022



JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

02. A-DANA EQUITY (SAMB.)

Pembahagian sektor:

Kategori/Sektor	31 Dis 2022	31 Dis 2021	31 Dis 2020	31 Dis 2019	31 Dis 2018
Tunai dan Setara Tunai	13%	14%	15%	20%	17%
Pembinaan	4%	3%	4%	6%	4%
Produk Pengguna	12%	8%	7%	8%	6%
Tenaga	2%	2%	4%	6%	-
Kewangan	3%	3%	2%	5%	3%
Penjagaan Kesihatan	6%	10%	17%	6%	3%
Produk Perindustrian	12%	13%	9%	7%	15%
Syarikat Projek Infrastruktur	-	-	-	-	5%
Perladangan	11%	7%	7%	9%	11%
Hartanah	1%	1%	1%	1%	2%
Amanah Pelaburan Hartanah	1%	1%	1%	1%	-
Teknologi	11%	16%	15%	8%	2%
Perdagangan/Perkhidmatan	-	-	-	-	32%
Telekomunikasi & Media	13%	13%	11%	11%	-
Pengangkutan & Logistik	5%	4%	3%	4%	-
Utiliti	6%	5%	4%	8%	-
JUMLAH	100%	100%	100%	100%	100%

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

02. A-DANA EQUITY (SAMB.)

Analisis perubahan dalam Nilai Bersih Aset ("NAV")


	31 Dis 2022	31 Dis 2021	31 Dis 2020	31 Dis 2019	31 Dis 2018
Jumlah NAV (RM)	683,108,426	619,469,278	509,141,246	320,424,257	195,648,391
Bilangan Unit	871,048,331	735,332,735	599,339,667	467,094,383	306,253,512
NAV/Unit (RM)	0.784	0.842	0.850	0.686	0.638
NAV tertinggi sepanjang tahun (RM)	0.835	0.889	0.886	0.692	0.794
NAV terendah sepanjang tahun (RM)	0.721	0.805	0.580	0.631	0.622
Cukai (%)	8	8	8	8	8
Jumlah pulangan tahunan dana berdasarkan pertumbuhan modal	-6.91%	-0.83%	23.84%	7.52%	-16.82%
Purata pulangan tahunan					
1-Tahun	-6.91%	-0.83%	23.84%	7.52%	-16.82%
3-Tahun	4.56%	9.71%	3.46%	-0.53%	-3.99%
5-Tahun	0.45%	3.86%	3.33%	-0.06%	-1.15%
Prestasi pulangan tahunan Indeks Penanda Aras					
1-Tahun	-10.80%	-6.37%	9.84%	3.84%	-12.70%
3-Tahun	-2.83%	2.21%	-0.15%	0.01%	-3.15%
5-Tahun	-3.62%	0.57%	0.71%	-0.68%	-2.19%

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

03. A-DALI EQUITY

Bagi tahun kewangan 2022, berdasarkan nilai bersih, Dana telah memberikan pulangan negatif sebanyak 4.22% berbanding penanda aras yang telah menyusut sebanyak 10.80%. Peningkatan prestasi ini disebabkan oleh wajaran rendah Dana di dalam sektor Teknologi dan Penjagaan Kesihatan dan wajaran tinggi di dalam sektor Perladangan, Telekomunikasi dan Media. Sepanjang tempoh 5 tahun, Dana telah memberikan pulangan -19.42% berbanding pulangan penanda aras sebanyak -17.77%. Penurunan prestasi ini disebabkan oleh wajaran tinggi Dana di dalam sektor Perladangan dan Tenaga dan wajaran rendah di dalam sektor Penjagaan Kesihatan dan Teknologi. Sejak penubuhannya pada Februari 2013, Dana telah mencatatkan pulangan kumulatif sebanyak -4.27% berbanding pulangan kumulatif penanda aras sebanyak -0.11%.

Prestasi Sejarah



Prestasi pada 31 Disember 2022

Prestasi Kumulatif	1 Bulan	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun	Sejak Penubuhan
	Nov 22 - Dis 22	Dis 21 - Dis 22	Dis 19 - Dis 22	Dis 17 - Dis 22	Feb 13 - Dis 22
A-DALI Equity	1.60%	-4.22%	-10.21%	-19.42%	-4.27%
Indeks*	1.44%	-10.80%	-8.45%	-17.77%	-0.11%
Lebih/(Bawah) prestasi	0.16%	6.58%	-1.76%	-1.65%	-4.16%

* FBM Emas Syariah (Sumber: Bloomberg)

Notis: Prestasi lepas bukanlah penanda bagi prestasi masa hadapan. Prestasi dana juga tidak dijamin.

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

03. A-DALI EQUITY (SAMB.)


Apakah strategi masa depan?

Bagi ekuiti, kami berpendapat bahawa kami telah menyaksikan kemuncak keagresifan Fed dan penilaian ekuiti sewajarnya telah diselaraskan ke bawah. Para pelabur kini meneliti data makro bagi menilai sejauh mana risiko kemelesetan di A.S. ekoran kenaikan kadar yang agresif. Sebaliknya, China telah menunjukkan hasrat pembukaan semula ekonominya secara beransur-ansur yang akan mengurangkan kesan risiko kemelesetan A.S. Di Malaysia, pendapatan korporat akan bertambah baik pada 2023 dengan penamatan cukai makmur. Pendapatan sesaham Malaysia ("EPS") untuk 2023 dijangka berkembang sebanyak 11.9%, dibantu oleh ketiadaan cukai makmur dan sepatutnya mengatasi unjuran pertumbuhan 5.7% untuk MSCI Asia (kecuali Jepun). Sementara itu, penilaian ekuiti Malaysia kekal tidak menarik dengan dagangan penilaian harga kepada pendapatan ("PE") sekitar 1.5 sisihan piawai, di bawah purata 10 tahunnya. Namun faktor-faktor seperti kemelesetan A.S. yang berpanjangan, ketegangan geopolitik yang semakin teruk dan risiko dasar kerajaan boleh menyebabkan penyusutan pasaran.

Adakah terdapat sebarang perubahan dalam matlamat pelaburan atau ciri-ciri risiko dana?

Dana telah menjalani penstrukturan semula pada Januari 2022 seperti yang telah dimaklumkan kepada para pemegang sijil. Anda boleh merujuk kepada fakta dana terkini untuk butiran terkini Dana. Tidak ada sebarang perubahan pada objektif pelaburan atau ciri-ciri risiko pada masa depan.

Pendedahan Aset A-DALI Equity pada 31 Disember 2022



* Pasca pelaksanaan penstrukturan, dana dasar bagi A-DALI Equity adalah dana A-Dana Equity

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

03. A-DALI EQUITY (SAMB.)

Pembahagian sektor:

Kategori/Sektor	31 Dis 2022	31 Dis 2021	31 Dis 2020	31 Dis 2019	31 Dis 2018
Tunai dan Setara Tunai	2%	7%	6%	6%	6%
Dana Mutual	98%	93%	94%	94%	94%
JUMLAH	100%	100%	100%	100%	100%

Analisis perubahan dalam Nilai Bersih Aset ("NAV")


	31 Dis 2022	31 Dis 2021	31 Dis 2020	31 Dis 2019	31 Dis 2018
Jumlah NAV (RM)	11,971,977	12,154,880	11,830,395	10,704,902	9,311,552
Bilangan Unit	25,011,193	24,322,836	22,328,431	20,081,482	18,154,456
NAV/Unit (RM)	0.479	0.500	0.530	0.533	0.513
NAV tertinggi sepanjang tahun (RM)	0.506	0.541	0.543	0.546	0.609
NAV terendah sepanjang tahun (RM)	0.443	0.478	0.421	0.507	0.501
Cukai (%)	8	8	8	8	8
Jumlah pulangan tahunan dana berdasarkan pertumbuhan modal	-4.22%	-5.68%	-0.61%	4.12%	-13.80%
Purata pulangan tahunan					
1-Tahun	-4.22%	-5.68%	-0.61%	4.12%	-13.80%
3-Tahun	-3.53%	-0.81%	-3.74%	-0.74%	-3.79%
5-Tahun	-4.23%	-1.72%	-1.62%	-0.62%	-2.09%
Prestasi pulangan tahunan Indeks Penanda Aras					
1-Tahun	-10.80%	-6.81%	10.14%	3.85%	-13.52%
3-Tahun	-2.90%	2.15%	-0.36%	-0.18%	-3.50%
5-Tahun	-3.84%	0.41%	0.55%	-0.91%	-2.49%

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

04. A-DANA BALANCED

Bagi tahun kewangan 2022, berdasarkan nilai bersih, Dana telah memberikan pulangan sebanyak -5.64% berbanding penanda aras yang telah menyusut sebanyak 7.36%. Peningkatan prestasi ini disebabkan oleh wajaran rendah Dana di dalam sektor Teknologi dan Penjagaan Kesihatan dan wajaran tinggi di dalam sektor Perladangan dan Telekomunikasi & Media. Pegangan Dana dalam sukuk korporat yang memberikan pendapatan keuntungan tinggi turut menyumbang kepada prestasi tersebut. Sepanjang tempoh 5 tahun, Dana telah memberikan pulangan 11.70% berbanding pulangan penanda aras sebanyak -6.85%. Peningkatan prestasi ini disebabkan oleh wajaran tinggi Dana di dalam sektor Penjagaan Kesihatan, Teknologi dan Perindustrian dan wajaran rendah di dalam sektor Tenaga, Utiliti, Perladangan dan Hartanah. Prestasi positif Dana di dalam sukuk berpunca daripada pulangan pendapatan keuntungan tinggi, pemampatan penyebaran kredit peruntukan aset wajaran tinggi terhadap sukuk korporat. Sejak penubuhannya, Dana telah mencatatkan pulangan kumulatif sebanyak 47.83% berbanding pulangan kumulatif penanda aras sebanyak 21.58%.

Prestasi Sejarah



Prestasi pada 31 Disember 2022

Prestasi Kumulatif	1 Bulan	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun	Sejak Penubuhan
	Nov 22 - Dis 22	Dis 21 - Dis 22	Dis 19 - Dis 22	Dis 17 - Dis 22	Ogos 11 - Dis 22
A-Dana Balanced	1.60%	-5.64%	16.42%	11.70%	47.83%
Indeks*	1.36%	-7.36%	-3.49%	-6.85%	21.58%
Lebih prestasi	0.24%	1.72%	19.91%	18.55%	26.25%

* 70% FBM Emas Syariah (Sumber: Laman web Bursa Malaysia) + 30% Indeks GII ALL (Sumber: RAM QuantShop@www.quantshop.com)

Notis: Prestasi lepas bukanlah penanda bagi prestasi masa hadapan. Prestasi dana juga tidak dijamin.

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

04. A-DANA BALANCED (SAMB.)

Apakah strategi masa depan?

Seiring dengan inflasi yang tinggi dan pertumbuhan global yang teguh, bank-bank pusat lebih tertumpu ke arah normalisasi dasar dan kitaran pengetatan. Walaupun kadar dan pergerakan pengetatan mungkin berbeza mengikut ekonomi, namun ini sudah tentu akan mempengaruhi pasaran pendapatan tetap. Pasaran sukuk domestik juga akan merasai kesannya, dan ketidaktentuan kadar faedah/keuntungan dijangka akan mendominasi. Saluran sukuk baharu korporat dan dijamin kerajaan bagi menjana aktiviti ekonomi akan menyediakan peluang kepada para pelabur untuk meningkatkan hasil dan mempelbagaikan pelaburan di dalam sektor sukuk korporat. Kami menjangkakan keluk GII semasa akan kekal curam dalam tempoh terdekat ekoran penetapan harga semula sukuk disebabkan oleh prospek pertumbuhan positif dan jangkakan normalisasi dasar.

Kami menggunakan pendirian jangka masa neutral lebih memihak kepada wajaran tinggi taktikal sementara meneruskan dagangan mengikut momentum bagi sukuk kerajaan, dengan mencari peluang dagangan jangka pendek ke pertengahan. Peruntukan aset kami akan terus memihak kepada sukuk korporat berbanding sukuk kerajaan bagi peningkatan hasil.

Bagi ekuiti, kami berpendapat bahawa kami telah menyaksikan kemuncak keagresifan Fed dan penilaian ekuiti sewajarnya telah diselaraskan ke bawah. Para pelabur kini meneliti data makro bagi menilai sejauh mana risiko kemelesetan di A.S. ekoran kenaikan kadar yang agresif. Sebaliknya, China telah menunjukkan hasrat pembukaan semula ekonominya secara beransur-ansur yang akan mengurangkan kesan risiko kemelesetan A.S. Di Malaysia, pendapatan korporat akan bertambah baik pada 2023 dengan penamatan cukai makmur. Pendapatan sesaham Malaysia ("EPS") untuk 2023 dijangka berkembang sebanyak 11.9%, dibantu oleh ketiadaan cukai makmur dan sepatutnya mengatasi unjuran pertumbuhan 5.7% untuk MSCI Asia (kecuali Jepun). Sementara itu, penilaian ekuiti Malaysia kekal tidak menarik dengan dagangan penilaian harga kepada pendapatan ("PE") sekitar 1.5 sisihan piawai, di bawah purata 10 tahunnya. Namun faktor-faktor seperti kemelesetan A.S. yang berpanjangan, ketegangan geopolitik yang semakin teruk dan risiko dasar kerajaan boleh menyebabkan penyusutan pasaran.


JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

04. A-DANA BALANCED (SAMB.)

Adakah terdapat sebarang perubahan dalam matlamat pelaburan atau ciri-ciri risiko dana?

Tidak. Kami akan terus memberi tumpuan bagi memaksimumkan jumlah pulangan daripada pertumbuhan pendapatan dan modal dengan melabur dalam sukuk gred pelaburan dan instrumen pasaran wang Islam di Malaysia, sambil meminimumkan risiko pelaburan semula. Bagi bahagian ekuiti, kami akan melanjutkan pencarian pertumbuhan modal dan pendapatan jangka panjang melalui portfolio ekuiti patuh Syariah yang pelbagai.

Pendedahan Aset A-Dana Balanced Fund pada 31 Disember 2022



JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

04. A-DANA BALANCED (SAMB.)

Pembahagian sektor:

Kategori/Sektor	31 Dis 2022	31 Dis 2021	31 Dis 2020	31 Dis 2019	31 Dis 2018
Tunai dan Setara Tunai	9%	11%	12%	13%	7%
Pembinaan	3%	3%	3%	5%	2%
Produk Pengguna	9%	6%	5%	5%	4%
Tenaga	2%	2%	3%	4%	-
Sekuriti Pendapatan Tetap	25%	21%	25%	35%	38%
Kewangan	2%	2%	2%	3%	2%
Penjagaan Kesihatan	5%	8%	11%	4%	2%
Produk Perindustrian	9%	12%	6%	4%	10%
Syarikat Projek Infrastruktur	-	-	-	-	3%
Hartanah	1%	1%	1%	1%	1%
Perladangan	8%	5%	5%	6%	7%
Amanah Pelaburan Harta Tanah	1%	1%	1%	1%	-
Perdagangan/Perkhidmatan	-	-	-	-	22%
Teknologi	9%	12%	14%	5%	2%
Telekomunikasi & Media	9%	9%	7%	7%	-
Pengangkutan & Logistik	3%	3%	2%	2%	-
Utiliti	5%	4%	3%	5%	-
JUMLAH	100%	100%	100%	100%	100%

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

04. A-DANA BALANCED (SAMB.)

Analisis perubahan dalam Nilai Bersih Aset ("NAV")


	31 Dis 2022	31 Dis 2021	31 Dis 2020	31 Dis 2019	31 Dis 2018
Jumlah NAV (RM)	115,124,418	103,488,617	84,727,622	53,515,086	30,897,347
Bilangan Unit	77,873,644	66,053,755	54,859,699	42,142,915	26,170,833
NAV/Unit (RM)	1.478	1.567	1.544	1.270	1.181
NAV tertinggi sepanjang tahun (RM)	1.556	1.616	1.575	1.276	1.358
NAV terendah sepanjang tahun (RM)	1.379	1.500	1.130	1.172	1.157
Cukai (%)	8	8	8	8	8
Jumlah pulangan tahunan dana berdasarkan pertumbuhan modal	-5.64%	1.44%	21.62%	7.56%	-10.80%
Purata pulangan tahunan					
1-Tahun	-5.64%	1.44%	21.62%	7.56%	-10.80%
3-Tahun	5.20%	9.89%	5.28%	1.20%	-1.89%
5-Tahun	2.24%	5.04%	4.32%	1.24%	0.02%
Prestasi pulangan tahunan Indeks Penanda Aras					
1-Tahun	-7.36%	-5.09%	9.76%	5.31%	-8.35%
3-Tahun	-1.18%	3.14%	1.94%	1.68%	-1.12%
5-Tahun	-1.41%	1.84%	2.25%	0.96%	-0.01%

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

05. A-DANA STRATEGIC EQUITY

Bagi tahun kewangan 2022, berdasarkan nilai bersih, Dana telah memberikan pulangan negatif sebanyak 13.01% berbanding penanda aras sebanyak -15.84%. Peningkatan prestasi ini disebabkan oleh pemegangan tinggi tunai dan wajaran tinggi Dana di dalam dana HSBC Islamic Global Equity Index dan dana A-Dana Equity. Sejak penubuhannya, Dana telah mencatatkan pulangan kumulatif sebanyak -5.32% berbanding pulangan kumulatif penanda aras sebanyak -10.28%.

Prestasi Sejarah



Prestasi pada 31 Disember 2022

Prestasi Kumulatif	1 Bulan	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun	Sejak Penubuhan
	Nov 22 - Dis 22	Dis 21 - Dis 22	Dis 19 - Dis 22	Dis 17 - Dis 22	Mei 21 - Dis 22
A-Dana Strategic Equity	-2.17%	-13.01%	-	-	-5.32%
Indeks*	-2.62%	-15.84%	-	-	-10.28%
Lebih Prestasi	0.46%	2.82%	-	-	4.96%

* 50% FBM Emas Syariah (Sumber: Laman web Bursa Malaysia) + 50% Indeks Dow Jones Islamic Market Titans 100 (Sumber: Bloomberg)

Notis: Prestasi lepas bukanlah penanda bagi prestasi masa hadapan. Prestasi dana juga tidak dijamin.

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

05. A-DANA STRATEGIC EQUITY (SAMB.)


Apakah strategi masa depan?

Bagi ekuiti, kami berpendapat bahawa kami telah menyaksikan kemuncak keagresifan Fed dan penilaian ekuiti sewajarnya telah diselaraskan ke bawah. Para pelabur kini meneliti data makro bagi menilai sejauh mana risiko kemelesetan di A.S. ekoran kenaikan kadar yang agresif. Sebaliknya, China telah menunjukkan hasrat pembukaan semula ekonominya secara beransur-ansur yang akan mengurangkan kesan risiko kemelesetan A.S. Di Malaysia, pendapatan korporat akan bertambah baik pada 2023 dengan penamatan cukai makmur. Pendapatan sesaham Malaysia ("EPS") untuk 2023 dijangka berkembang sebanyak 11.9%, dibantu oleh ketiadaan cukai makmur dan sepatutnya mengatasi unjuran pertumbuhan 5.7% untuk MSCI Asia (kecuali Jepun). Sementara itu, penilaian ekuiti Malaysia kekal tidak menarik dengan dagangan penilaian harga kepada pendapatan ("PE") sekitar 1.5 sisihan piawai, di bawah purata 10 tahunnya. Namun faktor-faktor seperti kemelesetan A.S. yang berpanjangan, ketegangan geopolitik yang semakin teruk dan risiko dasar kerajaan boleh menyebabkan penyusutan pasaran.

Adakah terdapat sebarang perubahan dalam matlamat pelaburan atau ciri-ciri risiko dana?

Tidak. Kami akan melanjutkan pencarian pertumbuhan modal jangka panjang menerusi portfolio pelaburan sekuriti patuh Syariah yang pelbagai di bursa tempatan dan asing.

Pendedahan Aset A-Dana Strategic Equity pada 31 Disember 2022



JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

05. A-DANA STRATEGIC EQUITY (SAMB.)

Pembahagian sektor:

Kategori/Sektor	31 Dis 2022	31 Dis 2021	31 Dis 2020	31 Dis 2019	31 Dis 2018
Tunai dan Setara Tunai	13%	9%	-	-	-
Dana Mutual	87%	91%	-	-	-
JUMLAH	100%	100%	-	-	-

Analisis perubahan dalam Nilai Bersih Aset ("NAV")


	31 Dis 2022	31 Dis 2021	31 Dis 2020	31 Dis 2019	31 Dis 2018
Jumlah NAV (RM)	93,644,945	52,632,623	-	-	-
Bilangan Unit	98,902,749	48,354,608	-	-	-
NAV/Unit (RM)	0.947	1.088	-	-	-
NAV tertinggi sepanjang tahun (RM)	1.084	1.088	-	-	-
NAV terendah sepanjang tahun (RM)	0.922	0.997	-	-	-
Cukai (%)	8	8	-	-	-
Jumlah pulangan tahunan dana berdasarkan pertumbuhan modal	-13.01%	-	-	-	-
Purata pulangan tahunan					
1-Tahun	-13.01%	-	-	-	-
3-Tahun	-	-	-	-	-
5-Tahun	-	-	-	-	-
Prestasi pulangan tahunan Indeks Penanda Aras					
1-Tahun	-15.84%	-	-	-	-
3-Tahun	-	-	-	-	-
5-Tahun	-	-	-	-	-

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

06. A-DANA STRATEGIC DYNAMIC

Bagi tahun kewangan 2022, berdasarkan nilai bersih, Dana telah memberikan pulangan sebanyak -0.53%, berbanding penanda aras sebanyak -1.16%. Peningkatan prestasi ini disebabkan terutamanya oleh pemasaan pelaburan Dana ke dalam dana amanah dan pemegangan tunai yang lebih tinggi. Sejak penubuhannya, Dana telah mencatatkan pulangan kumulatif sebanyak -0.53% berbanding pulangan kumulatif penanda aras sebanyak -1.16%.

Prestasi Sejarah



Prestasi pada 31 Disember 2022

Prestasi Kumulatif	1 Bulan	1 Tahun	3 Tahun	5 Tahun	Sejak Penubuhan
	Nov 22 - Dis 22	Dis 21 - Dis 22	Dis 19 - Dis 22	Dis 17 - Dis 22	Jun 22 - Dis 22
A-Dana Strategic Dynamic	-2.64%	-	-	-	-0.53%
Indeks*	-3.95%	-	-	-	-1.16%
Lebih Prestasi	1.31%	-	-	-	0.63%

* 65% Indeks Pulangan Dunia Pasaran Islam Dow Jones + 35% Indeks Sukuk Dow Jones (Sumber: Bloomberg)

Notis: Prestasi lepas bukanlah penanda bagi prestasi masa hadapan. Prestasi dana juga tidak dijamin.

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

06. A-DANA STRATEGIC DYNAMIC (SAMB.)

Apakah strategi masa depan?

Bagi ekuiti, kami berpendapat bahawa kami telah menyaksikan kemuncak keagresifan Fed dan penilaian ekuiti sewajarnya telah diselaraskan ke bawah. Para pelabur kini meneliti data makro bagi menilai sejauh mana risiko kemelesetan di A.S. ekoran kenaikan kadar yang agresif. Sebaliknya, China telah menunjukkan hasrat pembukaan semula ekonominya secara beransur-ansur yang akan mengurangkan kesan risiko kemelesetan A.S. Di Malaysia, pendapatan korporat akan bertambah baik pada 2023 dengan penamatan cukai makmur. Pendapatan sesaham Malaysia ("EPS") untuk 2023 dijangka berkembang sebanyak 11.9%, dibantu oleh ketiadaan cukai makmur dan sepatutnya mengatasi unjuran pertumbuhan 5.7% untuk MSCI Asia (kecuali Jepun). Sementara itu, penilaian ekuiti Malaysia kekal tidak menarik dengan dagangan penilaian harga kepada pendapatan ("PE") sekitar 1.5 sisihan piawai, di bawah purata 10 tahunnya. Namun faktor-faktor seperti kemelesetan A.S. yang berpanjangan, ketegangan geopolitik yang semakin teruk dan risiko dasar kerajaan boleh menyebabkan penyusutan pasaran.


Bagi Pendapatan Tetap, Dana akan kekal pada jangka masa neutral, dengan risiko kemelesetan mengimbangi risiko inflasi yang berterusan. Di dalam sektor kredit, kami akan beralih ke gred pelaburan. Kami lebih memihak kepada hutang Asia / Pasaran Baru Muncul, kerana kami percaya bahawa ekonomi pasaran baru muncul memiliki potensi pertumbuhan makro yang lebih kukuh dan tinggi.

Adakah terdapat sebarang perubahan dalam matlamat pelaburan atau ciri-ciri risiko dana?

Tidak. Kami akan melanjutkan pencarian pertumbuhan modal jangka panjang menerusi portfolio pelaburan sekuriti patuh Syariah yang pelbagai di bursa tempatan dan asing.

JADUAL PERBANDINGAN PRESTASI (SAMB.)

Pendedahan Aset A-Dana Strategic Dynamic pada 31 Disember 2022



BUTIRAN PELABURAN

01. A-DANA INCOME

TERBITAN PELABURAN KERAJAAN

Kuantiti	Nama Kaunter	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
2,000,000	TERBITAN PELABURAN KERAJAAN MALAYSIA	2,080,000	2,083,340	1.19%
2,000,000		2,080,000	2,083,340	

SUKUK KORPORAT TIDAK TERCATAT

Kuantiti	Nama Kaunter	Penarafan	Kos Agregat RM	Nilai Pasaran RM	% Nilai Bersih Aset
8,000,000	AMANAT LEBUHRAYA RAKYAT BHD	AAA	8,000,000	8,092,870	4.63%
500,000	AQUASAR CAPITAL SDN BHD	AAA(S)	528,450	525,250	0.30%
2,300,000	BGSM MANAGEMENT SDN BHD	AA3	2,335,680	2,333,968	1.34%
